

Dunia sudah lama ada cukai pelancongan

Cukai pelancongan bukan suatu yang asing bagi kebanyakan negara di dunia. Pengenaan cukai antara lain bertujuan untuk meningkatkan infrastruktur yang dapat menjamin kesejahteraan pelancong.

Umpamanya, dengan wang yang terkumpul, perkhidmatan bas pelancong dapat disediakan, lebih banyak lampu jalan dapat dibekalkan dan pelbagai kemudahan lain yang kebanyakannya untuk pelancong.

Sungguhpun di kebanyakan negara, sistem cukai ini sudah dilaksanakan, ada kalanya pelancong kurang menyedari kehadiran cukai ini kerana mereka lebih ghairah untuk melancong daripada meneliti bil hotel yang dikenakan.

Justeru, ramai tidak mengetahui dengan jelas sistem cukai ini. Apa yang mereka ketahui, kos hotel di luar negara jauh lebih mahal berbanding hotel di negara sendiri khususnya di Malaysia.

Ini berbeza dengan negara baru yang ingin melaksanakan sistem cukai ini. Bagi pelancong yang sering berkunjung ke negara ter-

tentu dan sebelum ini tidak mengenakan sebarang cukai, pelaksanaan cukai ini pasti sedikit meningkatkan perbelanjaan mereka.

Namun, jika pelaksanaan cukai ini tidak dapat dielakkan untuk meningkatkan kebajikan pelancong, beberapa perkara masih perlu diberikan perhatian.

Antaranya ialah kadar yang bersesuaian, mekanisme kutipan dan agihan untuk pembangunan serta alat penyebaran maklumat.

Kadar yang bersesuaian adalah penting untuk tidak membebankan pelancong. Dalam konteks pelancong di sini, adakah pelancong tempatan juga tertakluk kepada sistem cukai pelancongan ini?

Perhalusi kadar cukai

Ini perlu dijelaskan dan diperhalusi kerana pada hakikatnya, warganegara juga tertakluk kepada sistem cukai lain seperti cukai pendapatan, cukai jalan, cukai perbandaran dan sebagainya. Kadar ditetapkan juga perlu diperhalusi, perlu kepada kadar bagi setiap seorang pelancong (*per head of tourist*) atau bagi setiap bilik yang disewa atau lain-lain?

Kadar penetapan yang rasional ini perlu supaya pelancong rasa

mereka tidak teraniaya, sekali gus membuatkan mereka enggan mengadakan sesi kunjungan ulangan pada masa akan datang.

Mekanisme kutipan merujuk kepada cara kutipan dilakukan. Di kebanyakan negara, cukai ini dikutip di hotel tempat menginap pelancong.

Mungkin ini cara paling mudah dan efisien. Namun, bagaimana pula bagi negeri tertentu yang turut menyediakan perkhidmatan pelancongan yang tinggi tetapi kurang mendapat sambutan untuk dihuni (menginap).

Begitu juga dengan mekanisme agihan untuk pembangunan dan selepas wang terkumpul, ia penting untuk mengagihkan secara efisien. Adakah wang ini perlu secara terus disalurkan kepada majlis atau dewan bandaran dan lain pihak berkuasa tempatan agar penambahbaikan pembangunan pelancongan dapat dilakukan dengan segera.

Atau bagaimanakah sistem agihan yang sebaiknya? Wang ini tidak seharusnya mengambil masa yang lama tersimpan kerana pelancong perlu cepat dihebahkan dengan pembangunan hasil daripada wang sumbangan mereka.

Perkara lain yang perlu diberi perhatian adalah mekanisme hebahkan.

Hebahan pembangunan

Hebahan yang tepat diperlukan supaya maklumat disampaikan dengan jelas. Brosur dan maklumat tambahan mengenai pembangunan pelancongan yang dirancang bagi setiap negeri yang berbeza mungkin diperlukan dan diletakkan di hotel tempat penginapan pelancong.

Begitu juga dengan jumlah kutipan perlu dinyatakan untuk makluman. Pada dasarnya, pelancong dijangka dapat menerima sistem cukai pelancongan ini dengan baik sekiranya mereka mengetahui manfaat daripada cukai yang mereka sumbangkan.

Malah, tidak menjadi penghalang jika tabung berbentuk sumbangan ikhlas untuk pembangunan pelancongan juga turut disertakan di kaunter atau lobi hotel untuk pembangunan pelancongan berterusan.

Dewasa ini sumbangan ikhlas atau apa sahaja yang berbentuk infak pembangunan sudah mula diterima oleh komuniti khususnya di Malaysia.

Komentari



**Dr Norlida Hanim
Mohd Salleh**

Pensyarah Fakulti Ekonomi
dan Pengurusan, Universiti
Kebangsaan Malaysia (UKM)